

Keputusan pilihan raya MPP UPM, UM hari ini



KUALA LUMPUR: Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaya (UM) yang menunaikan tanggungjawab memilih ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) masih menanti keputusan rasmi hasil undian yang dilakukan, Isnin lalu.

Setakat semalam, pengurusan kedua-dua institusi pengajian berkenaan masih melakukan pengiraan kerana terdapat bantahan daripada pelajar.

Menurut jurucakap UM, undi yang diperoleh mula dikira sejak lewat malam kelmarin dan berakhir kira-kira jam 3.30 pagi semalam.

“Keputusan undian yang dibuat diumumkan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP), Prof Madya Datuk Dr Azarae Idris kira-kira jam 4 pagi,” katanya.

Namun, menurutnya, keputusan diumumkan itu terpaksa dikira semula kerana terdapat bantahan daripada pelajar.

“Undian daripada Fakulti Sastera dan Sains Sosial serta Pusat Kebudayaan perlu di-

PILIH...sebahagian pelajar UPM menjalankan tanggungjawab memilih ahli MPP, Isnin lalu.

kira semula kerana terdapat bantahan daripada pelajar,” katanya.

Menurutnya, keputusan rasmi hanya akan diketahui hari ini selepas pengiraan semula dilakukan dan akan diumumkan Timbalan Naib Canselor HEP.

Hampir 70 peratus daripada 16,000 pelajar UM melaksanakan tanggungjawab memilih ahli MPP pada Isnin lalu dan proses pengundian dilakukan secara e-voting.

Sementara itu, di UPM keputusan rasmi PRK untuk memilih MPP bagi sesi 2008/2009 hanya akan diketahui hari ini memandangkan terdapat bantahan daripada pelajar.

Menurut jurucakap Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM, keputusan PRK sudah diumumkan kelmarin, namun semalam adalah hari bantahan dan rayuan terhadap keputusan yang dikeluarkan.

“Kami membuka hari ini (semalam) untuk memberi peluang pelajar membuat bantahan atau rayuan sehingga jam 6 petang dan sekiranya tiada sebarang aduan diterima, maka keputusan rasmi akan diumumkan malam ini (malam tadi),” katanya.

Menurutnya, setakat jam 5 petang semalam, terdapat tiga pelajar membuat bantahan tetapi mereka tidak mengemukakan rayuan.

H-METRO 21/1/09 (LEADERSHIP)